

B B109 DEB
MAHATHIR - SYARIKAT

KOTA KINABALU, 7 JULAI (BERNAMA) -- DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD BERKATA PENCAPAIAN EKUITI BUMIPUTERA DARI 18 HINGGA 21 PERATUS SEKARANG INI MUSTAHIL DAPAT DICAPAI JIKA TIDAK ADA SYARIKAT-SYARIKAT DAN PERBADANAN YANG DITUBUHKAN OLEH KERAJAAN.

KATANYA, BEBAN KOS YANG DITANGGUNG OLEH KERAJAAN BAGI MENGURUS SYARIKAT-SYARIKAT DAN PERBADANAN ITU DIAKUI TINGGI DAN KERAJAAN TERPAKSA MENANGGUNGNYA BAGI MEMBANTU BUMIPUTERA YANG KETINGGALAN JAUH KE BELAKANG.

SEMASA BERUCAP PADA MAJLIS PERASMIAN TERMINAL BARU LAPANGAN TERBANG ANTARABANGSA KOTA KINABALU PETANG INI, PERDANA MENTERI BERKATA HANYA MELALUI PERBADANAN DAN SYARIKAT ITU SEJAK MERDEKA, KERAJAAN DAPAT MENINGKATKAN EKONOMI BUMIPUTERA.

+KERAJAAN SANGGUP BERBELANJA BEGITU BANYAK UNTUK MEMBANGUNKAN NEGARA DEMI MEMBERI KEUNTUNGAN KEPADA RAKYAT KESELURUHANNYA,+ TAMBAH BERLIAU.

PERDANA MENTERI MENGAKUI BANYAK SYARIKAT DAN PERBADANAN ITU YANG GAGAL DAN RUGI KERANA PENGURUSAN YANG TIDAK CEKAP DAN KECURANGAN OLEH ORANG-ORANG YANG DIAMANAH UNTUK MENGURUSKANNYA.

KATANYA, KERAJAAN SUDAH MENGAMBIL TINDAKAN TERHADAP PENGURUS-PENGURUS YANG MENYELEWENG ITU DAN JUGA MENGAMBIL LANGKAH-LANGKAH UNTUK MEMULIHKAN SYARIKAT-SYARIKAT DAN BADAN-BADAN BERKENAAN. -- LAGI.

2022MST 07 07 86

B B110 DEB
MAHATHIR - SYARIKAT 2 KOTA KINABALU

DATUK SERI DR MAHATHIR KESAL KERANA ADA PIHAK YANG BERKATA KERAJAAN MEMBELANJAKAN WANG YANG BANYAK UNTUK MEMBANTU GOLONGAN BUMIPUTERA SAHAJA.

+MEREKA HARUS INGAT BAHAWA NEGERI PULAU PINANG BUKANLAH RAMAI BUMIPUTERA TETAPI KERAJAAN MEMBELANJAKAN LEBIH \$1,000 JUTA UNTUK MEMBINA JAMBATAN PULAU PINANG,+ TEGASNYA.

KATANYA LAGI, KERAJAAN JUGA MELABURKAN WANG LEBIH \$185 JUTA UNTUK MEMBINA LAPANGAN TERBANG KOTA KINABALU TERMASUK TERMINAL BARU YANG BERTERANGA LEBIH \$50 JUTA TETAPI ITU BUKANLAH PELABURAN KOMERSIAL.

KATANYA, PELABURAN ITU MERUPAKAN TUGAS KERAJAAN DAN BUKAN BERTUJUAN UNTUK MENCARI KEUNTUNGAN.

JIKA DARI SEGI KOMERSIAL, LAPANGAN TERBANG INI SEPATUTNYA MEMBAYAR \$18 JUTA SETAHUN CUMA UNTUK MEMBAYAR FAEDAH 10 PERATUS, DAN UNTUK MEMBAYAR PELABURAN POKOK PULA, PERLU MENDAPAT \$30 JUTA SETAHUN YANG MUSTAHIL DIPEROLEHI, KATANYA.

BELIAU BERKATA KERAJAAN SANGGUP MENANGGUNG BEBAN ITU KERANA IA MEMBERI MANFAAT DARI SEGI PEMBANGUNAN NEGERI INI SERTA FAEDAH TERBITANNYA. -- LAGI.

2054MST 07 07 86

B B111 DEB
MAHATHIR - SYARIKAT 3 KOTA KINABALU

DATUK SERI DR MAHATHIR JUGA MENYEBUT CONTOH PROJEK FERI MALAYSIA ANTARA SEMENANJUNG DENGAN SARAWAK DAN SABAH YANG BERTUJUAN UNTUK MENDEKATKAN RAKYAT MELALUI INTERGRASI NASIONAL.

BELIAU MENJELASKAN BAHAWA FERI MALAYSIA DIADAKAN SETELAH KERAJAAN PUSAT MEMBANTU PERBELANJAAN SEBANYAK \$5 JUTA SETAHUN DALAM BENTUK GERAN TAHUNAN.

+KERAJAAN BERBUAT DEMIKIAN KERANA IA TAHU BAHAWA SYARIKAT FERI MALAYSIA TIDAK AKAN UNTUNG DENGAN TAMBANG YANG DITETAPKAN ITU. TETAPI KERAJAAN SANGGUP BERBELANJA DEMI PERHUBUNGAN ANTARA RAKYAT DI SEMENANJUNG DENGAN WILAYAH-WILAYAH MALAYSIA TIMUR,+ KATANYA.

PERDANA MENTERI BERKATA ADA PIHAK-PIHAK YANG DENGAN MUDAH BERKATA KERAJAAN HENDAKLAH MENUTUP SYARIKAT-SYARIKAT DAN PERBADANAN KERAJAAN YANG MENGALAMI KERUGIAN.

BAGAIMANAPUN, BELIAU MENGINGATKAN BAHAWA ADA 200,000 PEKERJA YANG BEKERJA DENGAN SYARIKAT-SYARIKAT DAN PERBADANGAN-PERBADANAN BERKENAAN.

+KALAU MEREKA DITUTUP AKAN MENGANGGURLAH 200,000 ORANG PEKERJA. SIAPA YANG HENDAK MEMBERI KERJA KEPADA MEREKA. ORANG YANG SURUH TUTUP ITU PATUT BERI KERJA KEPADA MEREKA,+ KATANYA. -- LAGI.
2100MST 07 07 86

B B114 DEB
MAHATHIR - SYARIKAT 4 KOTA KINABALU

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA MEMANG MUDAH BERCAKAP TENTANG KERUGIAN KERAJAAN TETAPI PARA PENGGAJI DAN CERDIK PANDAI ITU TIDAK MENGGAJI HAKIKAT YANG SEBENARNYA.

+JIKALAU MEREKA PANDAI UNTUK MENYELESAIKAN MASALAH, MEREKA HARUS SANGGUP BERI KERJA KEPADA PENGGANGUR BERKENAAN. ORANG-ORANG MENGANGGUR PERGILAH MINTA PEKERJAAN DENGAN MEREKA,+ KATANYA.

BELIAU MENYIFATKAN MEREKA ITU BERCAKAP BUKAN MENGGUNAKAN FIKIRAN TETAPI SEMATA-MATA KERANA KEINGINAN HENDAK MENGKRITIK DAN MEMBURUK-BURUKKAN KERAJAAN.

+TAK ADA KERAJAAN DALAM DUNIA YANG SANGGUP BUAT SESUATU TINDAKAN TANPA MELAKUKAN SEDIKIT KESALAHAN. DI AMERIKA SYARIKAT PADA 1986 INI 86 BUAH BANK MUFLIS AKIBAT KEMELESETAN EKONOMI TETAPI INI BUKANLAH BERITA YANG MENARIK PERHATIAN KITA DI NEGARA INI,+ UJARNYA.

BELIAU MENEGASKAN BAHAWA KERAJAAN PATUT MENANGGUNG BEBANAN SEUMPAMA ITU DAN TINDAKAN KERAJAAN ITU ADALAH DENGAN NIAT YANG BAIK.

MENURUTNYA, BERLAKUNYA KELEMAHAN ITU KERANA KURANG PENGETAHUAN PIHAK KERAJAAN UNTUK MEMBUAT +SOSIAL ENGINEERING+ DALAM MELAKSANAKAN PROJEK SYARIKAT-SYARIKAT DAN PERBADANAN-PERBADANAN ITU. -- LAGI.
2110MST 07 07 86

B B115 DEB
MAHATHIR - SYARIKAT 5 KOTA KINABALU

TUGAS SEUMPAMA ITU TIDAK MUDAH DILAKSANAKAN KERANA KERAJAAN TIDAK MEMPUNYAI CONTOH UNTUK DITIRU. BAGAIMANAPUN KERAJAAN TELAH MENDAPAT TELADAN DARIPADA PERISTIWA ITU DAN BERANSUR-ANSUR MEMPERBAIKINYA, KATA DATUK SERI DR MAHATHIR.

SATU LAGI FAKTOR YANG MENAKIBATKAN PENGGUNAAN KOS YANG TERLALU TINGGI IALAH KERANA DI MALAYSIA PIHAK-PIHAK PERANCANG SEPERTI JABATAN KERJA RAYA (JKR) MEMBUAT GARIS STANDARD YANG LEBIH TINGGI TERHADAP SESUATU PROJEK YANG MELEBIHI STANDARD DI NEGARA-NEGARA MEMBANGUN YANG LAIN, KATANYA.

BELIAU MEMBERI CONTOH BANGUNAN-BANGUNAN TERMINAL LAPANGAN TERBANG DI MALAYSIA MEMPUNYAI STANDARD YANG LEBIH TINGGI DARIADA NEGARA-NEGARA LAIN SEPERTI DI AUSTRALIA.

PERDANA MENTERI BERHARAP PARA PERANCANG AKAN MENURUNKAN SEDIKIT GARIS STANDARD SESUATU PROJEK BAGI MENGURANGKAN KOSNYA TETAPI DAPAT MEMBUAT LEBIH BANYAK PROJEK.

BELIAU BERHARAP RAKYAT TERUTAMANYA DI SABAH AKAN MENGGUNAKAN KEMUDAHAN DI LAPANGAN TERBANG ITU DENGAN BAIK DAN MENGANGGAPNYA SEBAGAI HAK MEREKA SENDIRI KERANA IA DIBINA DENGAN WANG MEREKA. --
BERNAMA.

2112MST 07 07 86